

# Sejarah Penubuhan SMK Madai, Kunak

Author

Sejarah Penubuhan SMK Madai, Kunak

Â

SMK Madai mula dicadangkan kewujudannya pada tahun 1993. Idea penubuhan ini timbul berikutan pertambahan pelajar yang semakin meningkat terutamanya pelajar yang menetap di kawasan Madai dan juga bagi menyelesaikan masalah kepadatan pelajar di beberapa buah sekolah menengah yang telah wujud. Bermula pada tahun 2002, bangunan SMK Madai telah mula dibina oleh sebuah Syarikat Kontraktor Pembinaan iaitu Syarikat Azam Tetap Sdn Bhd.

Â

Pada awal pembukaanya, Cik Lana binti Mole telah dilantik sebagai ketua guru SMK Madai yang memangku tugas pengetua. Pengetua pertama SMK Madai ialah Encik Justin Rumpod yang mula menjalankan tugas pada 25 Jun 2006. Semua guru perintis yang ditempatkan untuk mengajar di SMK Madai telah melapor diri kepada Pegawai Pelajaran Daerah Kunak, Pn Hajah Saida Binti Haji Usman pada 4 Januari 2006. Sewaktu pembukaan awal SMK Madai, jumlah tenaga pengajar adalah berjumlah 10 orang termasuk seorang staf sokongan iaitu Pn Sarinah Binti Goran. Sehingga kini bilangan guru SMK Madai telah bertambah kepada 92 orang guru dan pelajar seramai 1159 orang.

Â

Pada awal pengoperasiannya yang bermula pada 12 Januari 2006, pelajar-pelajar yang telah didaftarkan ke sekolah ini telah ditumpangkan buat sementara waktu di Bangunan Sekolah Kebangsaan Kampung Selamat. Seramai 280 orang pelajar yang terdiri daripada 187 orang pelajar Tingkatan 1 dan 93 orang pelajar Tingkatan 4 telah menjadi kumpulan perintis kepada kewujudan SMK Madai.

Â

Sejajar dengan pembukaan sekolah dan permintaan daripada ibu bapa para pelajar sekolah ini yang tinggal jauh di kawasan sekolah, maka asrama SMK Madai juga dimulakan operasinya pada 9 Julai 2006 dengan menempatkan seramai 95 orang penghuni yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan.

Â

Seiring dengan penubuhannya, SMK Madai terus tumbuh bak cendawan selepas beberapa tahun setaraf dengan sekolah-sekolah lain yang telah lama stabil. Program Integrasi Pendidikan Khas sekolah ini telah dibuka pada Januari 2008 di bawah pentadbiran En Justin Rumpod yang kini merupakan mantan pengetua. Bilangan murid pada ketika itu adalah seramai 10 orang dengan seorang tenaga pengajar. Kini, di bawah pentadbiran pengetua baru, En Masnon Maswan, terdapat seramai 39 orang pelajar, 5 orang guru dan seorang pembantu pengurusan murid.

Â

Menyedari hakikat perkembangan dan jumlah pelajar yang semakin ramai selepas tamat Tingkatan 5, SMK Madai telah membuka kelas Tingkatan 6 bagi memenuhi keperluan pelajar sekitar Kunak. Bermula dengan GPK Tingkatan 6 yang pertama iaitu En Arbain Hasbullah, Pn Jumariah Onto telah diberi kepercayaan untuk menjadi guru kelas Tingkatan 6 LPU yang pertama. Kini dibawah pimpinan Cikgu Lajahuri Lajahidi sebagai GPK Tingkatan 6, sebanyak 4 kelas Tingkatan 6 telah dibuka iaitu Tingkatan 6 Atas, 6 UPU dan 6 UPU2, manakala Tingkatan 6 Rendah, 6 LPU1 dan 6 LPU2.

Â

Pada tahun 2008, SMK Madai telah melahirkan produk pertama pelajar-pelajar PMR yang pertama. Aliran sains tulin yang menawarkan pakej mata pelajaran (Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan) telah ditawarkan bagi pelajar lepasan tingkatan menengah rendah. Seramai 22 orang pelajar telah didaftarkan dan dikelola oleh guru kelas pertama mereka iaitu En Samri Chongo.

Â

Menjelang akhir tahun 2008, SMK Madai telah mendapat perhatian dan kepercayaan oleh Pejabat Pelajaran Daerah Lahad Datu yang ketika itu SMK Madai telah dipilih sebagai sekolah pertama di peringkat Lahad Datu yang membuka kelas KRK (Kelas Rancangan Khas). KRK merupakan alternatif JPN bagi menempatkan murid-murid cemerlang yang tidak dapat memasuki Sekolah Berasrama Penuh khususnya dalam UPSR. En Rachman Berangka telah dilantik sebagai Penyelaras KRK yang pertama dan Pn Masria Mansur telah menjadi guru kelas pertama kelas 1 KRK pada ketika itu yang berjumlah seramai 23 orang. Kini, terdapat 2 kelas dibuka iaitu tingkatan 1 KRK dan 2 KRK.